



MPC.600-7/3/126

1 Julai 2021

EFR Management Consultant
2909-8, Jalan Merbau 3, Bandar Putra
81000 Kulai, Johor Darul Takzim.
(u.p : TS **Dr Edly Ferdin Ramli**)

Tuan,

JEMPUTAN SEBAGAI MODERATOR BAGI EMPAT (4) PROGRAM *WEBINAR* BERSIRI UNTUK PERKONGSIAN AMALAN TERBAIK DARI SYARIKAT CONTOH DI BAWAH PROGRAM SPPE.

Saya dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) melalui Seksyen Khidmat Nasihat dan Perundingan Produktiviti (PACS) ingin menjemput syarikat **EFR Management Consultant** sebagai **Moderator Program** untuk mengelola program yang dinyatakan di atas.

3. Untuk makluman, kadar bayaran untuk penugasan sebagai Moderator adalah tertakluk kepada ketetapan dari JPPK MPC bermula 2021 yang menetapkan kadar bayaran sebanyak RM250.00 setiap sesi program. Bagi tujuan ini, pihak Tuan adalah tertakluk kepada skop kerja seperti dalam Term of Reference (**TOR**) dan Jadual Pelaksanaan Program dalam Lampiran 1 di bawah.

4. Sekiranya pihak tuan bersetuju dengan jemputan ini, sila maklumkan pengesahan ini dengan mengembalikan Surat Akuan Setuju Terima kepada pihak kami dalam tempoh **7 hari** daripada tarikh surat ini. Kegagalan tuan mengesahkan persetujuan ini dalam tempoh tersebut menyebabkan jemputan ini terbatal dengan sendirinya.

5. MPC amat mengharapkan komitmen dan kerjasama yang tinggi dari pihak Tuan dalam menjayakan penugasan selaku **Moderator bagi Webinar Bersiri Untuk Perkongsian Amalan Terbaik Dari Syarikat Contoh Di Bawah Program SPPE**. Semoga program ini dapat memberi manfaat kepada semua peserta yang menyertai sesi tersebut, seterusnya dapat meningkatkan produktiviti mereka melalui perubahan landskap baharu industri di Malaysia.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“MEMACU PRODUKTIVITI NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

A handwritten signature in black ink, appearing to read 'Rosmi Abdullah', with a stylized flourish at the end.

(ROSMI ABDULLAH)

Pengarah

Seksyen Khidmat Nasihat dan Perundingan Produktiviti (PACS)

Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)

LAMPIRAN 1

TERM OF REFERENCE (TOR)

1. Moderator perlulah berupaya mengendalikan perbincangan supaya program dapat dijayakan dengan lancar dan teratur.
2. Mendapatkan Slide Pembentangan Panelist/ Penceramah Jemputan.
3. Memahami Tema Diskusi / Perbincangan secara mendalam dan eksklusif.
4. Membuat persediaan dari segi mendapatkan biodata/ cv setiap panelist/ penceramah.
5. Membuat sedikit kaji selidik bagi tujuan mengenalpasti *profiling* peserta yang akan hadir dan terlibat.
6. Membuat konsep diskusi serta menyediakan soalan-soalan/isu yang akan diajukan kepada panelist.
7. Moderator mestilah tidak menjadi pesaing kepada panelist iaitu tidak menjadi terlalu dominan / lebih banyak berbicara daripada panel.
8. Bayaran untuk skop kerja sebagai moderator ialah secara berfasa dan mengikut kadar tetap sebanyak RM250.00 sejam yang disarankan oleh JPPK MPC.
9. Tawaran ini tertakluk untuk program sebanyak empat (4) siri webinar, di mana pembayaran akan dilakukan sebanyak empat (4) kali, dengan jumlah keseluruhan ialah sebanyak RM1,000.00.

TENTATIF PROGRAM

Tarikh	Hari	Program	Pembekal	Bayaran
9 Ogos 2021	Isnin	Webinar Siri 1		
12 Ogos 2021	Khamis	Webinar Siri 2	EFR	250.00
18 Ogos 2021	Rabu	Webinar Siri 3		
26 Ogos 2021	Khamis	Webinar Siri 4		
2 Sept 2021	Khamis	Webinar Siri 5		
8 Sept 2021	Rabu	Webinar Siri 6	EFR	250.00
14 Sept 2021	Selasa	Webinar Siri 7		
20 Sept 2021	Isnin	Webinar Siri 8		
24 Sept 2021	Jumaat	Webinar Siri 9	EFR	250.00
30 Sept 2021	Khamis	Webinar Siri 10	EFR	250.00
JUMLAH BAYARAN (RM)				1,000.00

PENGAKUAN PENERIMAAN

Surat Setuju Terima Dan Lampiran Yang Berkaitan Oleh Syarikat

Dengan ini disahkan bahawa yang bertandatangan di bawah ini mengakui penerimaan surat tersebut di atas. Salinannya yang mana telah disimpan.

_____ } Tandatangan Syarikat

Nama Penuh :
No Kad Pengenalan :
Alamat :
No Akaun Bank :
Nama Bank :
Tarikh :

_____ } Tandatangan Wakil Syarikat

Nama Penuh :
No Kad Pengenalan :
Alamat :
Tarikh :

Diberikan dengan sempurna untuk manandatangani untuk dan bagi pihak:

Meterai atau Cop Syarikat

Tarikh:.....